



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Jabatan Pendaftar, Aras 4, Blok Selatan, Bangunan Canselori

Ruj. Kami : UMS(S)/PN 2.1/P5/2

Tarikh : 7 Mei 2003

BEG BERKUNCI NO. 2073,
88999 KOTA KINABALU,
SABAH, MALAYSIA.
Tel : 6088-320000 samb. 1417
Faks : 6088-320243
E-mel : papenums@ums.edu.my
Laman web : <http://www.ums.edu.my>

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 03/2003

Edaran seperti di Lampiran

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan

PERMOHONAN JAWATAN BARU BAGI TAHUN 2004/2005

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita sekiranya dapat pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan mengemukakan cadangan jawatan tambahan/baru untuk dikemukakan kepada agensi pusat bagi tahun kalendar 2004/2005.

Pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan adalah dengan hormatnya diminta mengemukakan permohonan berdasarkan borang-borang yang dikemukakan bersama-sama ini.

a. **Borang ABM-8(KJ) (A) Bagi Permohonan Jawatan Akademik**

Adalah dinasihatkan agar permohonan bagi jawatan ini berdasarkan kepada program-program yang sedia ada (melengkapkan bilangan tenaga pengajar mengikut bidang-bidang yang ditawarkan), pertambahan program baru, dan juga pertambahan bilangan pelajar (pengambilan) - [senarai tenaga pengajar mengikut bidang adalah seperti yang dikemukakan bersama-sama ini].

b. **Borang ABM-8(KJ) (P) Bagi Jawatan Pengurusan**

Bagi jawatan berkenaan, permohonan hendaklah menyertakan bersama justifikasi permohonan berdasarkan perkara-perkara yang dinyatakan di dalam borang berkenaan antaranya - **bidang/senarai tugas yang sedia ada, bidang tugas baru** (jika perlu sertakan bersama *motion study* bagi keperluan jawatan berkenaan khususnya yang memerlukan jawatan tambahan).

c. **Borang ABM-8(KJ) (S) Bagi Jawatan Sokongan**

Bagi jawatan ini, permohonan hendaklah dikemukakan bersama maklumat-maklumat seperti permohonan jawatan (b) di atas. Permohonan bagi jawatan ini khususnya bagi kakitangan teknikal hendaklah menyertakan juga maklumat


bidang/peralatan teknikal yang perlu dikendalikan serta kemudahan yang diperlukan bagi mengendalikan peralatan yang berkenaan.

Pihak pejabat ini amat berterima kasih sekiranya maklumat berkenaan dapat disampaikan sebelum atau pada **23 Mei 2003 (Jumaat)**. Pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/tuan/puan bolehlah menghubungi pejabat ini (En. Awang Suhaizam Bungso di no. sambungan 1084) sekiranya memerlukan penjelasan lanjut.

Atas kerjasama YBhg. Dato'/Datuk/Datin/tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang ikhlas



HELA LADIN MOHD. DAHALAN

Pendaftar

b.p. Naib Canselor

s.k.: - Naib Canselor
- Fail UMS(S)/PN 2.1/B11 Jld. II

Lampiran: Borang ABM-8(KJ) (A)
Borang ABM-8(KJ) (P)
Borang ABM-8(KJ) (S)